



20 inisiatif lagi bantu rakyat, pacu ekonomi

Langkah proaktif pastikan negara pulih daripada kesan pandemik

Oleh Kamarulzaidi Kamis
kamarulzaidi@nsp.com.my

Kuala Lumpur: Satu lagi langkah proaktif, Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA) diperkenalkan kerajaan bagi merancak dan melonjakkan semula ekonomi serta membantu negara keluar dari pada kesan penularan COVID-19.

Berbekalan peruntukan RM20 bilion, termasuk suntikan fiskal baharu oleh kerajaan berjumlah RM11 bilion, PEMERKASA dilihat agak menyeluruh, meskipun bersasar dengan tumpuan kepada 20 inisiatif strategik bagi melonjakkan pertumbuhan ekonomi, menyokong perniagaan dan me-

PEMERKASA

Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi

neruskan bantuan bersasar kepada rakyat serta sektor yang masih terkesan.

PEMERKASA adalah peringkat kelima dalam Strategi 6R Pelan Komprehensif Pemuliharaan Ekonomi yang diumumkan kerajaan pada April tahun lalu, bermula Ketegasan (Resolve), Membina Ketahanan (Resilience), Menjana Semula (Restart), Strategi Pemuliharaan (Recovery), Memperkasa (Revitalise), manakala strategi terakhir adalah Menyusun Semula (Reform).

Ketika mengumumkan PEMERKASA semalam, Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata kerajaan akan terus melakukan apa sahaja yang perlu demi menjamin kesejahteraan rakyat, memastikan kelangsungan perniagaan dan menyokong pemuliharaan ekonomi.

Pakej terbaharu itu tampil de-

ngan lima fokus, iaitu mengawal penularan COVID-19, memacu pemuliharaan ekonomi, memperkuuh daya saing negara, melaksanakan agenda keterangkuman wilayah dan masyarakat serta mentransformasi ekonomi.

Selain mengawal penularan pandemik menerusi Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan, tumpuan utama program disasarkan kepada pelaksanaan projek kecil seluruh negara bagi membantu kontraktor Kelas G1 hingga G4; Geran Khas Prihatin 3.0, kemudahan mikro kredit, penggalan pekerjaan dan insentif penggajian, merangsang semula sektor pelancongan dan peruncitan, mengurangkan beban syarikat dan memperkasa koperasi bagi memacu pertumbuhan ekonomi.

Dalam menyokong kelangsungan perniagaan, PEMERKASA menggariskan langkah meningkatkan daya saing perniagaan, automasi dan digitalisasi, Program Jaringan Prihatin dan perkhidmatan 5G, menggalakkan pelaburan dan pasaran eksport serta pembinaan mapan.

Kerajaan turut menumpukan kepada agenda keterangkuman yang mana fokusnya adalah bantuan kepada mereka yang kehilangan pendapatan, pemerkasaan ekonomi komuniti bandar, OKU serta meneruskan subsidi meringankan kos sara hidup.

"Setelah setahun kerajaan Persekutuan Nasional (PN) mendahului negara ini, kami terus merencana pelbagai strategi pemuliharaan ekonomi demi kesejahteraan rakyat. Kami telah berusaha sebaik baik untuk memastikan tiada kumpulan masyarakat yang tercincir daripada menerima manfaat."

"PEMERKASA adalah satu lagi inisiatif Kerajaan PN untuk meringankan beban ditanggung rakyat, mengukuhkan semula pertumbuhan ekonomi dan merancakkan aktiviti perniagaan," kata Perdana Menteri.

Antara inisiatif baharu yang dikenalkan adalah seperti insentif Cukai (Akta 446) Potongan Khas Cukai Bagi Perbelanjaan Penyediaan Penginapan Pekerja Selaras Dengan Akta 446; Kemudahan Mikrokredit TEKUN - Gig Economy POS-preneur; pengecualian 100 peratus duti eksais ke atas motosikal pemasangan tempatan

Kerajaan akan terus melakukan apa sahaja yang perlu demi menjamin kesejahteraan rakyat, memastikan kelangsungan perniagaan dan menyokong pemuliharaan ekonomi.

Muhyiddin Yassin,
Perdana Menteri



dengan kapasiti enjin 150cc ke bawah.

Geran Bantuan Khas Bagi Agenzia Pelancongan, bantuan tunai secara one-off kepada pengusaha homestay yang berdaftar di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya; geran padanan kepada koperasi penanaman sawit mapan (KPSM); Program MyBAIKHATI; eBizLink; bantuan barangang dapur RM100 sebulan bagi tempoh tiga bulan untuk golongan rentan bandar; memperluaskan caruman Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri kepada usahawan wanita/wanita bekerja sendiri.

Inisiatif sedia ada yang diperluaskan skop dan peruntukan, antaranya adalah pertambahan peruntukan untuk vaksin bagi mempercepatkan sasaran imunisasi berkelompok pada Disember tahun ini dan Geran Khas Prihatin 3.0 bagi memastikan kelangsungan perusahaan kecil dan sederhana.

Tambahan RM500 juta kemudahan mikro kredit melalui program di bawah Bank Simpanan Nasional (BSN), TEKUN Nasional, MARA dan SME Corp; peruntukan tambahan RM700 juta untuk Program Subsidi Upah 3.0 yang dilanjutkan tiga bulan lagi, terutama bagi sektor pelancongan dan peruncitan.

Program perantisan di bawah PenjanaKerjaya juga ditambah baik dan dilanjutkan selama 6 bulan dengan pelatih diberi insentif RM800.

Bagi menggalakkan syarikat mengumpul dana menerusi pasaran saham, yuran penyenaraian di pasaran MAIN, LEAP dan ACE dikecualikan selama 12 bulan; Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) menaikkan nilai ambang keberhutangan dari RM10,000 ke RM50,000 dan tempoh jawab notis dari 21 hari kepada enam bulan.

Bagi menyokong matlamat negara menjadi hab kewangan, kerajaan akan melancarkan Sukuk Lestari berjumlah tidak kurang

AS\$1 billion.

Kerajaan juga memperuntukkan RM1.2 billion untuk yang hilang kerja, termasuk golongan B40 dan penerima Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) yang berpendapatan kurang RM1,000 sebulan, selain membantu mereka yang bankrap dan perlindungan undang-undang bagi yang tidak berupaya melaksanakan obligasi kontraktual.

Pengurus Pembangunan Perniagaan Putra Business School (PBS), Prof Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latiff, berkata pelbagai bantuan dan insentif yang diumumkan adalah respon kerajaan terhadap keluhan beberapa golongan tertentu yang masih terjejas sepanjang setahun tempoh PKP dilaksanakan.

"Oleh itu bantuan kali ini bersifat lebih bersasar dan wang yang disalurkan juga bersifat bantuan langsung. Suntikan langsung RM11 billion memang akan memberi tekanan kepada sasaran deficit fiskal namun kerajaan masih lagi mampu mengekalkan sasaran deficit seperti yang dirancang berdasarkan kenaikan harga komoditi seperti minyak dan minyak sawit yang boleh menambah hasil negara," katanya.

Sementara itu, Ketua Ahli Ekonomi Juwai IQI, Shan Saeed, berkata kerajaan dilihat komited untuk menyokong perniagaan tempatan dalam menarik pelaburan langsung asing (FDI) ke dalam negara.

Beliau berkata, dasar ekonomi bercampur dilihat membawa hasil dengan ekonomi mula menampakkan pengukuhan dan pertumbuhan dijangka berlebar antara 3.0 dan 4.0 peratus atau lebih tinggi.

Sementara itu, Ketua Ahli Ekonomi Bank Islam, Dr Mohd Afzanim Abdul Rashid menyifatkan PEMERKASA disasarkan untuk terus membantu perniagaan yang terjejas, disamping mengekalkan pekerjaan.

Ibadat&Fadilat



Ibnu Abbas RA berkata: "Biasanya aku mengetahui akhir solat Rasulullah SAW dengan pembacaan takbir atau berzikir." (HR Nasa'i)

Takaful Ribots Family Berhad (200201025412) E93075-U
Takaful Notes: General Berhad (20120101920511738010-1)

| KAWASAN | SUBUH | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---------------|-------|-------|------|---------|-------|
| Kangar | 6:16 | 1:29 | 4:40 | 7:31 | 8:40 |
| Alor Setar | 6:16 | 1:29 | 4:40 | 7:31 | 8:40 |
| P. Pinang | 6:16 | 1:29 | 4:38 | 7:31 | 8:40 |
| Ipoh | 6:13 | 1:27 | 4:34 | 7:29 | 8:38 |
| Kuala Lumpur | 6:11 | 1:24 | 4:31 | 7:26 | 8:35 |
| Shah Alam | 6:11 | 1:24 | 4:31 | 7:26 | 8:35 |
| Johor Bahru | 6:03 | 1:16 | 4:19 | 7:18 | 8:26 |
| Kuantan | 6:06 | 1:19 | 4:25 | 7:21 | 8:29 |
| Seremban | 6:09 | 1:22 | 4:27 | 7:25 | 8:33 |
| Bandar Melaka | 6:09 | 1:22 | 4:26 | 7:24 | 8:33 |
| Kota Bharu | 6:09 | 1:22 | 4:32 | 7:24 | 8:29 |
| K. Terengganu | 6:05 | 1:18 | 4:27 | 7:20 | 8:29 |
| Kota Kinabalu | 5:14 | 12:27 | 3:37 | 6:29 | 7:38 |
| Kuching | 5:38 | 12:51 | 3:54 | 6:53 | 8:01 |

www.takaful-ikhlas.com.my

Anak syarikat milik penuh MNRB Holdings Berhad